

Publication	Utusan Malaysia	Section / Page	29	Date	22 January 2019
Headline	Anak Yatim Tawan Gunung Kinabalu				



LIMA anak yatim dari Rumah Anak Yatim As-Sakinah Kota Kinabalu bersama guru pengiring di puncak Gunung Kinabalu.

## Anak yatim tawan Gunung Kinabalu

**L**IMA penghuni Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Sakinah berjaya menawan puncak tertinggi Asia Tenggara, Gunung Kinabalu. Ekspedisi menakluk puncak tersebut ditaja oleh Takaful Malaysia. Mereka adalah sebahagian daripada 11 peserta ekspedisi yang berjaya menggapai puncak itu dalam masa dua hari pendakian.

Takaful Malaysia melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat, Takaful myJalinan Kasih telah menyumbang sebanyak RM8,000 untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan untuk ekspedisi itu.

“Kami berbesar hati dapat menaja program ini kerana ia mampu memberi peluang kepada anak-anak yatim ini untuk menyedari bahawa mereka mampu mengesepi setiap matlamat jika meletakkan keazaman dan iltizam yang tinggi.

“Penglibatan kami dalam aktiviti ini adalah untuk tujuan yang baik, malah rumah anak yatim ini juga merupakan pelanggan setia kami selama bertahun-tahun,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (dahulu dikenali Syarikat Takaful Malaysia Berhad), Datuk

### Apa Berlaku

Sri Mohamed Hassan Kamil dalam satu kenyataan kepada *Mega Rona*.

Menurutnya, program ini adalah platform yang baik serta peluang untuk pihaknya berhubung dengan masyarakat kerana ia menyokong usaha sosial, memperkasakan orang ramai dan penglibatan komuniti yang luas menjangkau perniagaan harian Takaful Malaysia.



Kami amat berbesar hati untuk menaja program ini kerana ia mampu memberi peluang kepada kanak-kanak ini untuk menyedari bahawa mereka mampu mengesepi setiap matlamat jika mereka meletakkan keazaman dan iltizam yang tinggi.

“Kami akan sentiasa menyokong inisiatif mulia ini, selaras dengan program kemasyarakatan korporat kami untuk memupuk semangat muhibah, pembelajaran serta membina hubungan dengan masyarakat,” katanya.

Sementara itu, Warden Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Sakinah, Ustaz Zamil Zaman, berkata, program yang melibatkan lapan orang anak yatim dan dua warden turut diiringi wakil penaung.

“Kami berterima kasih kepada Takaful Malaysia kerana bermurah hati menaja perbelanjaan serta memberi sokongan penuh terhadap ekspedisi ini.

“Kami juga berasa sangat terharu kerana anak-anak yatim ini turut membawa semangat yang kental dari segi fizikal, mental dan rohani untuk menyempurnakan ekspedisi serta turun dengan selamat,” katanya.

Menurutnya, Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Sakinah ditubuhkan sekitar tujuh tahun yang lalu.

Terletak di Kota Kinabalu, Sabah, rumah anak yatim itu kini menempatkan 35 kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan asnaf (benefisiari zakat) dari pelbagai latar belakang.